

KEBERKESANAN TEKNIK NEUROFISIOLOGI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BACAAN AL-QURAN

**Nur Diyana Mohamad¹, Norazura Ariffin², Malyanah Solehah Mohamad Shukor³,
Salmiza Salleh⁴ & Wan Amir Azlan Wan Haniff⁵**

¹ Pusat Pengajian Islam dan Ilmu Kontemporari, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang. Email: diyana@kitab.edu.my Tel: +06014-8066995

² Pusat Pengajian Islam dan Ilmu Kontemporari, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang. Email: azuraariffin@kitab.edu.my Tel: +06011-35383598

³ Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang. Email: malyanah@kitab.edu.my Tel: +06019-5208187

⁴ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Email: salmiza@usm.my Tel: +06019-4701405

⁵ Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia. Email: wamirazlan@uitm.edu.my Tel: +06017-5908409

Abstrak

Terdapat pelbagai teknik dan kaedah bacaan yang telah digunakan bagi mencapai matlamat untuk membaca serta menghafaz Al-Quran secara konsisten dan lestari. Teknik Nadi Al-Baghdadi contohnya merupakan kaedah inovasi yang menggunakan alat ketuk sehingga mampu mengaktifkan kedua-dua otak fungsi otak secara serentak. Namun begitu, penyelidik mendapati bahawa kurangnya kajian mengenai keberkesanan kaedah ini terutamanya apabila melibatkan pengajaran dan pembelajaran Al Quran. Oleh yang demikian, penyelidik membuat kajian untuk mengenal pasti tahap pengamalan, pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap kaedah ini di Pusat Pengajian Al-Baghdadi, Sungai Ara, Pulau Pinang. Kajian jenis kualitatif ini memanfaatkan temubual secara berstruktur terhadap 64 pelajar dan tiga tenaga pengajar melalui kaedah secara semi struktur sebagai instrumennya. Hasil kajian mendapati modul Nadi Al-Baghdadi sememangnya efektif dalam membantu majoriti besar pelajar yang masih belum boleh membaca Al-Quran untuk meningkatkan kemahiran pembacaan mereka.

Kata Kunci : Nadi Al Baghdadi, otak, pengetahuan, kefahaman, pengamalan, alat ketuk, temubual.

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diwariskan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Antara tanda kemukjizatan Al-Quran tersebut adalah 6236 ayatnya yang mampu dihafaz dan dibaca oleh umat Islam. Pelbagai teknik dan kaedah bacaan yang telah digunakan bagi mencapai matlamat suci menghafaz dan membaca Al-Quran secara konsisten dan lestari di dada para pengamalnya.

Antara kaedah dan teknik bacaan serta hafazan Al-Quran secara tradisional termasuklah *talaqqi* dan *musyafahah* (keadaan dimana pelajar perlu mengamati dan mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya pula kepada guru) (Abu Najihat, 2002), *takrar* (pelajar akan mengulang-ulang bacaan ayat-ayat Al-Quran beberapa kali sehingga dapat membaca dengan baik) (Al-Syabini, 2004), *tadarus* (kaedah membaca dan


menyemak bacaan secara berkumpulan) (Muhsin 1994), *tasmik* (kaedah untuk menilai bacaan pelajar dan selanjutnya memperbaiki serta mengukuhkan pembacaan ayat Al-Quran (Abu Najihat 2002).

Walaubagaimanapun dapatan kajian Azmil Hashim (2012) membuktikan bahawa kaedah *takrar* dan *tasmik* merupakan kaedah yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran berkaitan Al Quran. Melalui kaedah ini, pelajar memperbanyakkan *takrar* pada ayat yang susah dan *tasmik* di hadapan guru selepas dihafal dan dibaca untuk penilaian, pembetulan dan pengukuhan bacaan.

Di Malaysia, terdapat pelbagai pusat pengajian model tahfiz yang menerapkan elemen sains di dalam pengajaran dan pembelajarannya, antaranya termasuklah Model Tahfiz berasaskan Modul Bacaan Al-Quran Berkonsepkan Neurofisiologi (Nadi Al Baghdadi) yang terletak di Pusat Pengajian Al Baghdadi Sungai Ara, Pulau Pinang.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, Pusat Pengajian Al- Baghdadi menyediakan tujuh program pendidikan Al-Quran yang inovatif dan kreatif. Program yang berfokuskan pendidikan Al Quran sepanjang hayat ini disusun dengan teliti dan unik bagi membolehkan Al-Quran dipelajari tanpa mengira faktor usia. Rajah 1.0 di bawah menunjukkan contoh-contoh program yang ditawarkan.



Rajah 1.0 Program Pendidikan Al-Baghdadi

3.0 SKOP KAJIAN

Memandangkan kajian ini perlu dijalankan di pusat pendidikan berkaitan sains, maka penyelidik telah memilih Pusat Pengajian Al-Baghdadi Cawangan Sungai Ara, Pulau Pinang. Pemilihan tempat ini dibuat kerana penggunaan modul asas bacaan yang diguna pakai berasaskan teknik neurofisiologi yang sebenarnya telah memberikan satu dimensi baru dalam dunia pengajaran dan pembacaan Al-Quran.

Neurofisiologi adalah bidang yang berkaitan dengan fungsi otak dan sistem saraf yang menjelaskan tentang fungsi penerimaan, pemprosesan dan penyampaian maklumat. Antara

keunikan modul ini adalah menghafaz Al-Quran turut dapat untuk mengingat nombor ayat dan pada masa yang sama dapat memaksimumkan fungsi keupayaan otak.

Modul yang dikenali sebagai Nadi Al-Baghdadi ini diasaskan oleh Jalaluddin Hassanuddin Al-Baghdadi dan merupakan salah sebuah kaedah alternatif dan terbaru bacaan Al-Quran. Pada Mac 2009, secara rasminya terhasil satu teknik inovasi membaca Al-Quran menggunakan alat ketuk (Norsyidah Md Zin, 2014). Kaedah ini merupakan satu bentuk pendekatan bacaan yang memanfaatkan konsep neurofisiologi.

Antara objektif utama Nadi Al-Baghdadi termasuklah menyediakan satu teknik pembelajaran Al-Quran yang boleh diserapkan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran dan mewujudkan pembelajaran Al-Quran yang sistematik dengan mengaplikasikan sistem SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis) yang terbukti berkesan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran. Sehingga tahun 2020, Nadi al-Baghdadi memiliki beberapa buah cawangan berdaftar di seluruh Malaysia sekaligus menunjukkan kaedah ini semakin diterima dalam kalangan masyarakat.

Di dalam pelaksanaan modul asas, kualiti guru yang terlatih turut memberikan kelebihan pada pusat pengajian ini. Justeru *Al-Baghdadi Group* telah mewajibkan setiap tenaga pengajar untuk mengikuti kursus dan memiliki sijil pengiktirafan terlebih dahulu sebelum mendaftar sebagai tenaga pengajar. Kursus jangka pendek selama dua hari dianjurkan untuk memberi pendedahan serta kaedah pengendalian kelas dan pengajaran dengan cara yang betul. Selain itu, sesi pencerapan turut dilaksanakan terhadap tenaga pengajar yang mengendalikan kelas di cawangan-cawangan Nadi Al-Baghdadi yang berdaftar bagi menjamin kualiti kaedah Nadi al-Baghdadi dengan betul dan berkesan.

4.0 PERNYATAAN MASALAH

Fokus utama di dalam kajian ini adalah kepada teknik Neurofisiologi atau Nadi Al-Baghdadi yang telah diguna pakai dan berkembang dengan pesat di dalam sistem pendidikan bacaan Al-Quran pada masa kini. Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, penyelidik mendapati bahawa kurangnya kajian mengenai keberkesanan kaedah ini terutamanya apabila melibatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran.

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengamalan, pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap pembacaan Al-Quran di Pusat Pengajian Al-Bahgdadi, Sungai Ara;
2. Mengenalpasti kefahaman tenaga pengajar terhadap teknik neurofisiologi;
3. Mengenalpasti kelebihan teknik ini dalam membantu pembacaan Al-Quran dan
4. Mengenalpasti tahap pemantapan bacaan pelajar selepas mengikuti teknik neurofisiologi

6.0 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan mengenai kajian yang akan dijalankan:

1. Apakah tahap pengamalan, pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap pembacaan Al-Quran di Pusat Pengajian Al-Bahgdadi, Sungai Ara?;
2. Apakah kefahaman tenaga pengajar terhadap teknik neurofisiologi?;
3. Apakah kelebihan teknik ini dalam membantu pembacaan Al-Quran?; dan
4. Apakah tahap pemantapan bacaan pelajar selepas mengikuti teknik neurofisiologi?

7.0 TINJAUAN LITERATUR

Pishghadam (2009) menyatakan kecerdasan pelajar terbahagi kepada lapan (8) jenis iaitu kecerdasan bahasa atau linguistik (keupayaan menguasai bahasa), kecerdasan muzik, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan ruang, kecerdasan badan-kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan “*environmental or naturalist*”. Kecerdasan ini berbeza antara setiap individu dan ianya bergantung kepada kecenderungan atau pendominasian kecerdasan.

Aziz & Jaafar (2018) turut bersetuju dan menjelaskan bahawa teknik pembacaan dan menghafal Al-Quran adalah berkait rapat dengan teknik dan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan diri sendiri. Justeru, modul yang berbentuk penyepaduan kesemua jenis kecerdasan tersebut untuk membantu memaksimumkan kecemerlangan pencapaian pembelajaran pelajar yang terdiri daripada latar kebolehan yang pelbagai sangat diperlukan.

Yusoff, Abdul Aziz & Mohamed (2001) pernah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah *Iqra'* sebagai kaedah pembelajaran membaca Al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan kaedah *Iqra'* pada umumnya memberi kesan yang baik terhadap pencapaian pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah rendah kebangsaan. Kajian tersebut turut disokong oleh Wahab et al. (2017) yang percaya bahawa penggunaan alat bantu mengajar dalam Pembelajaran Asas Tilawah Al-Quran iaitu pengenalan kepada huruf-huruf tunggal Hijaiyah terhadap kanak-kanak pra sekolah dengan mengadaptasi kaedah *Iqra'* dan belajar sambil bermain bukan hanya menambah pemahaman tetapi memberi lebih keseronokan,

Penggunaan teknologi juga boleh dijadikan alat bantu mengajar yang baik sekiranya digunakan secara efektif. Dalam kajian Aziz & Jaafar (2018), penggunaan aplikasi *Smart Iqra'* memberi impak yang positif kepada murid-murid dari sudut peningkatan kualiti penguasaan Al-Quran serta mempunyai keupayaan mempelajari bacaan Al-Quran dengan baik. Aplikasi ini turut dapat membantu guru untuk merancang pengajaran secara sistematik dengan bantuan perisian *Smart Iqra'* supaya pengajaran Al-Quran yang dianggap sukar oleh kebanyakan pelajar menjadi suatu mata pelajaran yang mudah dan menyeronokkan walaupun pada pelajar kelainan upaya.

7.1 Amalan Pengajaran

Terdapat banyak pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, mudah kepada kompleks, keseluruhan kepada bahagian, umum kepada khusus, spesifik kepada umum, dekat kepada jauh dan diketahui kepada belum diketahui (Ab. Halim 2006). Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan jenis pelajar dan jenis pengajaran guru (Ahmad, 1997). Untuk amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, guru pendidikan Islam hendaklah memilih pendekatan yang sesuai. Hal ini disebabkan tidak ada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan.

Al-Kailany (1986) berkongsi beberapa perkara yang boleh dilaksanakan oleh guru sebelum mempraktikkan kaedah pengajaran masing-masing iaitu dengan mengambil perhatian tujuan dan matlamat mata pelajaran yang diajar, sepadan dan setara dengan umur pelajar dan ianya mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada. An-Nashmy (1980) pula menambah dengan mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini, pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan cepat dan bertahan lebih lama.

Kaedah pengajaran pembacaan Al-Quran tidak terkecuali. Antara kaedah yang digunakan semasa pengajaran pembacaan al-Quran ialah *talaqi* dan *musyafahah* (Yusuf, 2000). Rohizani et al. (2005) setuju dan menambah bahawa guru perlu menekankan aspek-aspek seperti arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar. Keberkesanan kaedah ini diakui sendiri oleh Mohd (2000) yang percaya bahawa kaedah *talaqi* dan *musyafahah* adalah sistematik dan mampu mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun. Namun begitu, dalam kajian Ab. Halim et al. (2004) mendapati bahawa guru pendidikan Islam kurang melakukan kaedah ini semasa pengajaran pembacaan Al-Quran.

7.2 Kaedah Neurofisiologi

Neurofisiologi adalah bidang ilmu fisiologi yang berkaitan dengan fungsi sistem saraf. Ilmu ini berkait rapat dengan neurobiologi, psikologi, neurologi, neurofisiologi klinik, elektrofisiologi, etologi, aktiviti saraf tinggi, neuroanatomi, ilmu kognitif dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan otak. Berdasarkan kajian saintifik, fungsi otak manusia adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu Otak Kiri dan Otak kanan.

Otak kiri dan otak kanan adalah berkait antara satu sama lain. Penelitian yang telah dilakukan oleh para penyelidik mendapati bahawa kedua-dua otak manusia sentiasa berfungsi hampir setiap aktiviti dan waktu. Proses yang akan dilakukan oleh otak kanan dan kiri ketika mendengar percakapan seseorang ialah otak kiri akan aktif iaitu akan memproses berdasarkan pengetahuan kita yang diperolehi selama ini. Sementara otak kiri memproses kata-kata, definisi dan bahasa, otak kanan pula aktif memproses modulasi nada, tempo dan *volume* dari komunikasi tersebut.

7.3 Modul Asas Nadi Al-Baghdadi

Modul Nadi Al-Baghdadi, adalah contoh teknik yang mengaktifkan kedua-dua otak fungsi otak secara serentak dan berkesan dengan mengikut langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang pembelajaran. Modul ini dilengkapi dengan alat ketuk sebagai alat bantu mengajar. Alat ketuk Teknik Al Baghdadi terdiri daripada Papan Ketuk dan Kayu Ketuk. Dua (2) lubang yang terdapat pada alat ketuk adalah sebagai jarak ketukan yang sebenarnya mengisi keperluan tempo bacaan yang akan mewujudkan pola bacaan mengikut intonasi yang ditanam ke dalam diri pelajar. Rajah 2.0 di bawah menunjukkan alat ketuk tersebut.



Rajah 2.0: Papan ketuk dan kayu ketuk

Ketukan bermula dari sebelah kanan ke kiri dan ke kanan semula. Ketukan akan berterusan mengikut bilangan huruf yang dibaca dan ia mestilah dilakukan secara serentak. Alat ketuk ini digunakan untuk mendisiplinkan bacaan dengan memberikan satu intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca. Antara tujuan utama penggunaan alat ketuk tersebut termasuklah untuk memberikan hak yang sempurna kepada setiap huruf yang dibaca. Ini bertepatan dengan konsep bacaan secara bertajwid iaitu memberikan hak yang sempurna bagi setiap huruf.

Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik ini amat bergantung kepada penggunaan alat ketuk ini. Sekiranya alat ketuk ini tidak diguna, proses pengajaran dan pembelajaran masih dapat diteruskan namun keseronokan dan keasyikan pembelajaran mungkin mengurang. Ini menunjukkan betapa pentingnya penggunaan alat ketuk tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Secara praktikalnya, terdapat empat (4) peringkat yang akan berlaku, iaitu:

1. Pengajar akan membaca tiga (3) kali dan pelajar akan mendengar sambil melihat bahan;
2. Pengajar akan mengulang tiga (3) kali dan para pelajar akan mengikut ayat yang dibacakan;
3. Pelajar-pelajar akan diarahkan mengulang bacaan secara berkumpulan dan semasa aktiviti ini berlaku, proses membaca, mendengar dan melihat bahan dilakukan secara berulang kali yang melibatkan penglibatan otak kiri dan kanan secara aktif dan optimum; dan
4. Proses ini akan diteruskan sehingga pelajar-pelajar mampu untuk membaca ayat mengikut urutan, membaca ayat secara berundur, membaca ayat ganjil, membaca ayat genap dan sebagainya.

Kaedah ketukan ini mampu merangsang minda pelajar dari pelbagai aspek. Ia melibatkan pengukuhan daya ingatan pelajar iaitu domain audio (pendengaran), domain visual (penglihatan), domain kognitif (proses aktif minda untuk memperoleh)

pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar), domain afektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu) dan domain psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku). Selain itu, keistimewaan yang lain termasuklah:

1. Memenuhi keperluan kinestetik anggota khususnya dalam mencapai tahap kemahirantinggi, logik dan matematik;
2. Membantu meningkatkan tahap penumpuan kepada proses pembelajaran dengan mengaktifkan otak kiri dan kanan dengan serentak dalam proses pembelajaran;
3. Memenuhi tiga ciri teknik pembelajaran berkesan dengan melibatkan bahan, guru dan pelajar dengan serentak dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran; dan
4. Memenuhi ciri-ciri teori kecerdasan pelbagai dalam pendidikan awal kanak-kanak.


Contoh yang mudah ialah pembelajaran asas dalam membaca Al-Quran. Rajah 3.0 di bawah menunjukkan asas-asas tersebut.

1. Keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf hijaiyyah dengan baik;
2. Kemampuan membaca tanda baris asas bacaan iaitu *Fathah*, *Kasrah* dan *Dhommah*;
3. Kemahiran menguasai tanda bacaan baris dua atau *Tanwin*;
4. Keupayaan mengenal dan membaca tanda bacaan panjang atau *Mad*;
5. Kemampuan membaca tanda bacaan mati atau *Sukun*; dan
6. Kemahiran menguasai tanda bacaan berganda atau *Sabdu*.



Rajah 3.0 Asas-asas pembelajaran Al Quran

Dari aspek praktikal, rajah 4.0 di bawah menunjukkan tiga (3) mekanisme penting yang perlu dititik beratkan dalam pembelajaran asas ini, iaitu:




Rajah 4.0: Mekanisme pembelajaran asas Al-Quran menggunakan alat ketuk

8.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah jenis kualitatif yang mana dapatan kajiannya diperolehi melalui temubual. Temubual yang dimaksudkan pula adalah temubual struktur yang diberikan kepada pelajar yang menghadiri modul ini dan semi-struktur terpilih yang terdiri tenaga pengajar yang mengendalikan kelas-kelas pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Ia juga berfungsi sebagai penjelasan kepada data-data yang dikumpul melalui tinjauan laman sesawang pusat pengajian ini. Di samping itu, pendekatan falsafah kajian ini menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai.

Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner (2000) mendasari dua (2) prinsip asas iaitu manusia mempunyai kecerdasan yang pelbagai dan semua orang dapat mengembangkan kesemua kecerdasan ini ke satu tahap yang kompeten. Menurut Gardner lagi, kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata dan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain. Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh beliau ini lebih kepada aspek kognitif dan perkembangan psikologi, antropologi dan sosiologi dalam menjelaskan kecerdasan manusia.

Pengasas Pusat Pengajian Al-Baghdadi ini bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Gardner dan menambah bahawa kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan dengan pendidikan melalui aktiviti yang bersesuaian. Dalam konteks pendidikan, guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan. Rajah 5.0 di bawah menunjukkan instrumen kajian yang dijalankan.



Rajah 5.0 : Instrumen kajian

Pensampelan dalam kajian ini menggunakan teknik rawak mudah kepada pelajar yang mengikuti program modul asas bacaan Al-Quran. Sampel terdiri dari 64 orang pelajar campuran lelaki dan perempuan bagi temubual struktur dan tiga (3) orang tenaga pengajar bagi temubual secara semi- struktur. Terdapat tiga (3) dimensi dalam soalan soal selidik yang ditanyakan kepada para pelajar iaitu dimensi pengamalan, pengetahuan dan kefahaman.

9.0 DAPATAN KAJIAN

i) Temubual Berstruktur

Dimensi pertama menguji tahap pengamalan pelajar terhadap pembacaan Al-Quran. Hasil kajian mendapati 90% responden cenderung untuk bersetuju dengan pengamalan pelajar terhadap pembacaan Al-Quran tersebut. Jadual 1.0 di bawah menunjukkan keputusan bagi dimensi pengamalan tersebut.

PENGAMALAN						
BIL	ITEM	STS	TS	TP	S	SS
1	Suasana persekitaran yang sesuai untuk pelajar (amalan)	0	1	0	21	42
2	Kehendak sendiri merupakan faktor yang penting dalam pembacaan Al-Quran (amalan)	0	0	0	7	57
3	Peraturan yang membantu pelajar memberikan tumpuan dalam pembacaan (amalan)	0	0	2	29	33
4	Pelajar mampu membaca mengikut masa yang ditetapkan (amalan)	0	0	6	32	26
5	Sokongan dari semua pihak membantu pelajar membaca (amalan)	0	0	2	16	46
6	Mengekalkan pembacaan adalah suatu usaha yang sukar (amalan)	1	13	15	19	16

Jadual 1.0 : Keputusan soal selidik bagi dimensi pengamalan

Bagi dimensi kedua (2) iaitu pengetahuan, keputusan menunjukkan jumlah peratusan yang lebih tinggi dengan dimensi pertama iaitu 92% pelajar cenderung untuk bersetuju bahawa tenaga pengajar atau guru memberi tunjuk ajar yang baik sehingga tahap pengetahuan pelajar terhadap pembacaan Al-Quran di Pusat Pengajian tersebut menjadi tinggi. Jadual 2.0 di bawah menunjukkan keputusan soal selidik bagi dimensi pengetahuan.

PENGETAHUAN						
BIL	ITEM	STS	TS	TP	S	SS
1	Saling membantu antara pelajar dalam menjaga pembacaan (pengetahuan)	0	0	0	28	36
2	Guru sangat memainkan peranan dalam menjaga pembacaan pelajar (pengetahuan)	0	0	0	6	58
3	Pelajar perlu menjaga adab-adab sebelum dan selepas pembacaan (pengetahuan)	0	0	0	7	57
4	Istiqamah dan disiplin penting dalam pembacaan dan mengulangi bacaan (pengetahuan)	0	0	0	4	60
5	Sepanjang program hanya dikhususkan satu mashaf modul sahaja (pengetahuan)	2	4	15	25	18

Jadual 2.0 : Keputusan soal selidik bagi dimensi pengetahuan

Bagi dimensi ketiga (3) dan yang terakhir pula iaitu kefahaman, dapatan kajian menunjukkan jumlah peratusan setinggi 78% responden yang cenderung untuk bersetuju bahawa tahap kefahaman mereka menjadi lebih tinggi melalui kaedah Modul Nadi Al-Baghdadi ini. Jadual 3.0 di bawah menunjukkan keputusan soal selidik bagi dimensi kefahaman.

KEFAHAMAN						
BIL	ITEM	STS	TS	TP	S	SS
1	Pelajar memahami maksud ayat terlebih dahulu sebelum membaca (kefahaman)	3	9	18	23	11
2	<i>Talaqqi</i> dan <i>musyafahah</i> dengan guru mengikut modul dalam aktiviti membaca (kefahaman)	0	0	2	19	43
3	Pelajar menulis ayat sebelum dan selepas membaca (kefahaman)	2	3	28	16	15
4	Modul Asas membantu lebih fokus dan santai ketika membaca (kefahaman)	0	0	3	18	43
5	Modul cetakan berwarna membantu dalam pembacaan (kefahaman)	0	0	4	11	49
6	Pengulangan ayat secara tidak teratur memantapkan lagi bacaan (kefahaman)	4	9	13	18	20
7	Kuiz atau pertandingan membantu memantapkan pembacaan (kefahaman)	1	1	11	18	33
8	Guru menetapkan kadar pembacaan yang perlu dibaca (kefahaman)	0	1	3	33	27

Jadual 3.0 : Keputusan soal selidik bagi dimensi kefahaman

Secara keseluruhannya, para pelajar setuju bahawa teknik neurofisiologi ini membantu terhadap pembacaan Al-Quran mereka di Pusat Pengajian Al-Baghdadi Sungai Ara.

i) Temubual Semi-struktur

Hasil daripada temubual secara semi-struktur melibatkan tiga (3) tenaga pengajar, mereka percaya bahawa modul Nadi Al-Baghdadi menggunakan teknik neurofisiologi yang

memanfaatkan penggunaan kedua otak kanan dan kiri. Sementara otak kanan menggunakan teknik bayangan, holistik dan rawak, otak kiri pula berkait dengan pembacaan dengan teratur dan mengikut susunan. Mereka juga memaklumkan bahawa teknik ini dapat diaplikasi dengan mudah sehingga membolehkan para pelajar untuk lebih fokus dan cepat untuk mempelajari teknik dengan efektif.

Selain itu, tenaga pengajar memaklumkan bahawa melalui teknik ini, pelajar lebih berminat untuk mengkaji dan mempraktikkan bacaan mereka sendiri sehingga bacaan tersebut menjadi berkualiti. Teknik ini juga akan menjadikan sensori sentuhan, penglihatan dan pendengaran menjadi lebih aktif serta menjadikan otak kiri dan kanan menerima arahan kepada saraf untuk bergerak. Akhir sekali, kesemua tenaga pengajar bersetuju bahawa melalui pengaplikasian teknik ini, tahap pemantapan bacaan pelajar menjadi lebih baik, sebutan huruf menjadi lebih jelas dan bacaan pula mengikut tajwid yang sebenar.

10.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Tanpa diragui lagi, berdasarkan dapatan kajian ini, jelaslah bahawa modul Nadi Al-Baghdadi sememangnya efektif dalam membantu majoriti besar pelajar yang masih belum boleh membaca Al-Quran untuk meningkatkan kemahiran pembacaan mereka. Selain itu, modul ini memberi kemudahan kepada guru untuk mengaplikasikannya. Penyelidik berpendapat bahawa kajian yang sama turut perlu dilakukan di cawangan-cawangan lain yang menggunakan modul ini agar keputusan yang lebih menyeluruh dapat dilihat.

11.0 RUJUKAN

- Abu Najihat Al-Hafiz (2002). *Panduan bagi hafiz-hafizah dan qari dan qari'ah*. Selangor. Penerbit Darul Iman.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). Modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran: pendekatan masa kini. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam : Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Kailani, Taisir & Iyad, Mulhim. (1986). *At-taujih al-fanny fi usul at-tarbiyah w a tadriss*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Muni'm. (2004). *As-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaziq: Dar Ibnu Kathir
- An-Nashmy, Ajil J asim (1980). *Ma'alim fi tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Aziz, N. A. A., & Jaafar, N. (2018). Penguasaan pembelajaran al-quran berbantuan aplikasi multimedia interaktif smart iqra': kajian di sekolah kebangsaan pendidikan khas alma, Pulau Pinang. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 24-36.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh. (2013). Hubungan antara strategi dalam gaya pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 1(1).
- Gardner, H. E. (2000). *Intelligence reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. Hachette UK.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhsin Syeikh Ahmad (1994). *Al-Quran dan cara-cara menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran
- Norsyida (2014) *Kaedah bacaan Al-Quran teknik Iqra' dan Al-Baghdadi di Kuala Lumpur : kajian perbandingan / Norsyida binti Md Zin*. Masters thesis, University of Malaya.
- Pishghadam, R. (2009). A quantitative analysis of the relationship between emotional intelligence and foreign language learning. *Electronic journal of foreign language teaching*, 6(1), 31-41
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017). Kefahaman Al-Quran dan jawi melalui permainan bahasa bermultimedia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 41-53.
- Yusoff, M. A., AbdulAziz, A. M., & Mohamed, A. K. (2001). Kajian keberkesanan IQRA' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di Semenanjung Malaysia.